
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JUU 101 – Teknik Berfikir

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **DUA (2)** soalan.

Baca soalan dengan teliti sebelum anda menjawab.

Pastikan anda telah menulis **angka giliran** dengan betul.

PERHATIAN:

Nyatakan dengan jelas **TEKNIK BERFIKIR** yang anda gunakan dalam jawapan.
Bagi setiap soalan, jawapan anda **TIDAK LEBIH** daripada **TIGA (3)** muka surat.

1. Program 'Khidmat Negara' akan mula dilaksanakan pada awal tahun 2004. Program ini bertujuan meningkatkan semangat jati diri warganegara berumur 18 tahun kepada tanah air. Gunakan PMI, CAF, FIP, dan APC untuk melaksanakan program 'Khidmat Negara' dengan jayanya di negara ini.
(100 markah)
2. Untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020, ramai tenaga profesional dalam pelbagai bidang diperlukan. Dengan menggunakan Kaedah Enam Topi Berfikir, bincangkan bagaimana melahirkan lebih ramai tenaga profesional yang berkualiti.
(100 markah)
3. Kempen membeli barang-barang buatan tempatan sudah sekian lama dicanangkan oleh pihak kerajaan. Namun, minat serta persepsi rakyat Malaysia terhadap barang-barang import yang dianggap berkualiti dan 'ada kelas' sukar untuk dihapuskan. Dengan menggunakan gaya pemikiran analitikal, logikal dan kreatif, bincangkan bagaimana menarik minat rakyat Malaysia membeli barang-barang tempatan.
(100 markah)
4. Konsep Sekolah Wawasan dikatakan mampu mengintergrasikan masyarakat Malaysia pada masa depan. Walau bagaimanapun Konsep Sekolah Wawasan ini mendapat tentangan yang kuat khususnya di kalangan masyarakat bukan Melayu. Dengan menggunakan TIGA (3) gaya pemikiran yang sesuai, bincangkan bagaimana Konsep Sekolah Wawasan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.
(100 markah)
5. Akibat permintaan yang rendah terhadap barangan elektronik, ramai pekerja kilang diberhentikan. Walau bagaimanapun di sektor perladangan, pembinaan dan pembantu rumah ramai pekerja diperlukan. Dengan menggunakan kaedah pemikiran lateral, cadangkan dan nilaikan langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk menarik minat orang ramai bekerja di sektor perladangan, pembinaan dan pembantu rumah.
(100 markah)